

28 APR 1999

Muhyiddin-Formula

YOONG DAPAT SUMBANGAN RM150,000 DARIPADA KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Sebagai langkah menggalakkan pemandu Malaysia terbabit dalam perlumbaan Formula One, pihak kerajaan telah memulakan usaha itu dengan menghulur bantuan sebanyak RM150,000 kepada pemandu harapan F-1 negara, Alexander Yoong.

Meneteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata ia satu sumbangan kerajaan bagi menghargai usaha Yong dan keluarga dalam perlumbaan Formula One.

"Ia memerlukan berjuta-juta ringgit untuk menyertai perlumbaan ini. Dalam pada itu kita juga mahukan pelumba kita menyertai Formula One tetapi tidak dapat memainkan peranan utama kerana tidak mampu," kata beliau kepada pemberita selepas mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan perlumbaan Indy 40 Enduro Langkawi 1999 bagi merebut Piala Perdana Menteri hari ini.

Muhyiddin berkata Yoong, yang ketika ini sedang menyertai perlumbaan Formula Three di Britain melakukannya secara persendirian dan masanya telah tiba bagi kerajaan dan sektor awam membantu beliau mengejar impian menjadi rakyat pertama Malaysia bertanding dalam Formula One.

Menteri itu berkata beliau akan berbincang dengan Yoong dan ayahnya tidak lama lagi tentang apa yang dia perlukan untuk mengejar impiannya serta merancang masa depannya.

"Kita mahu tahu jumlah perbelanjaan yang diperlukan untuk menyertai perlumbaan ini dan juga bentuk kerjasama yang diperlukan. Ketika ini dia telah berusaha mendapatkan penaja dengan sendiri dan kita akan cuba sedaya upaya membantu beliau."

Muhyiddin berkata Yoong kini berlumba dengan baik dalam Formula Three dan mungkin boleh mencapai impiannya untuk berlumba dalam Formula One, tidak lama lagi.

Beliau berkata kementerianannya akan membantu membangunkan sukan lumba kereta tetapi syarikat-syarikat besar seperti Petronas, yang ketika ini menaja pasukan Formula One Red Bull Sauber Petronas, boleh mengambil alih sebaik pelumba ini bertambah maju.

Mengenai kejohanan go-kart yang menawarkan hadiah RM100,000 dan dijadualkan pada 14-15 Ogos depan, Muhyiddin berkata sejumlah 160 pemandu dari 40 pasukan akan mengambil bahagian.

Antara negara yang akan menyertai kejohanan ini yang menelan belanja RM 1 juta untuk menganjurkannya ialah Belanda, Itali, Jerman, Perancis, England, Thailand dan Malaysia.

-- BERNAMA

AR zb